



Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Melaka **memindahkan seorang warga tua, Ponye Wahab, 74**, ke pusat pemindahan apabila rumahnya ditenggelami banjir di Kampung Pulau Kelapa, Batu Hampar, Melaka. [FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH]

242 mangsa banjir Melaka belum pulang

» Enam pusat pemindahan masih beroperasi

► Melaka

Seramai 242 mangsa membabitkan 78 keluarga masih ditempatkan di enam pusat pemindahan di negeri ini selepas rumah mereka dilanda banjir pagi kelmarin berikutan hujan lebat lebih tiga jam dan fenomena air pasang besar.

Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Nega-

ra (MKN) Melaka, Mejar Jafri Mohamed, berkata enam pusat pemindahan itu membabitkan lima buah di daerah Melaka Tengah dan satu di daerah Jasin termasuk jumlah teramai mangsa yang dipindahkan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Mahkota, Serkam.

Katanya, di Melaka Tengah, 37 mangsa dipindahkan ke Balai Raya Peringgit; 12 mangsa di Surau Al Jariah, Solok Bukit Baru, Duyong; 18 mangsa di Balai Raya Bukit Pulau; 11 mangsa di Bangunan Bahagian Umno Bukit Katil dan 20 mangsa di RTC Paya Ikan.

“Di Jasin, seramai 144 mangsa membabitkan 57 keluarga ditempatkan di SMK Sri Mahkota, Serkam,” katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, dua pusat pemindahan iaitu Surau Permatang Duyong dan SMK Dang Anum, Merlimau, masing-masing ditutup pada jam 10 pagi dan 10.50 pagi semalam.

Bilik Gerakan Negeri di Kota Cemerlang beroperasi 24 jam. Hujan lebat berlaku secara berperingkat sejak jam 4 pagi kelmarin hingga jam 11 pagi.

Sementara itu, keadaan cuaca dilaporkan mendung dan hujan pada awal pagi semalam. **BERNAMA**